قجابة ڤربندهاراٴن نکري کلنتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami : PKN.(S).1/9-1/Jld.2(34)
Bertarikh : 15 Zulkaedah 1447H
3 Mei 2026M

Ke majlis;

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri

YB. Dato'/YABhg. Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan,

EDARAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2026 BERHUBUNG DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI / ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.2 dengan pindaan dan penyesuaian yang bersesuaian bagi pemakaian di peringkat Kerajaan Negeri Kelantan.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2026 untuk perhatian dan tindakan pihak tuan/puan.

4. Semua Badan Berkanun Negeri dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan hendaklah mematuhi sepenuhnya peruntukan yang ditetapkan dalam pekeliling ini dalam mempertimbangkan dan melaksanakan pembayaran Bonus serta Bantuan Khas Kewangan (BKK).

5. Kerjasama dan perhatian pihak YB. Dato'/ YABhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, *S.P.S.K., P.M.K. (Kelantan)*
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k :

Yang Berhormat Mulia
Tengku Kaya Perkasa
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha
Pengarah Audit Negeri Kelantan

PKN.(S).1/9-1/Jld.2(32)

Tarikh: 12 Syawal 1447H
01 April 2026M

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2026

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri

DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN BADAN BERKANUN KERAJAAN NEGERI / ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

1.1. Pekeliling ini dikeluarkan bagi memperincikan dasar dan garis panduan mengenai pembayaran Bonus dan Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai dan kakitangan Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan (ASKN).

1.2. Garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan amalan pembayaran agar selari dengan pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.2 Dasar Pembayaran Bonus Dan Bantuan Khas Kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

1.3. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan yang bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.2 dengan pindaan dan penyesuaian bagi pemakaian di peringkat Kerajaan Negeri.

1.4. Semua Badan Berkanun Negeri dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan hendaklah mematuhi sepenuhnya peruntukan dalam pekeliling ini dalam mempertimbangkan dan melaksanakan pembayaran Bonus dan BKK.

2. TAFSIRAN

2.1. **"Badan Berkanun Negeri (BBN)"** ertinya organisasi rasmi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui enakmen untuk melaksanakan tugas tertentu seperti pembangunan ekonomi, sosial atau kebajikan. Ia mempunyai kuasa autonomi dalam pentadbiran dan kewangan, tetapi masih tertakluk kepada kawalan Kerajaan Negeri Kelantan.

2.2. **"Anak Syarikat Kerajaan Negeri (ASKN)"** ertinya syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Kerajaan Negeri. Syarikat ini ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan atau pelaburan bagi menjana pendapatan negeri serta melaksanakan dasar dan projek pembangunan negeri.

2.3. **"Bonus"** ertinya bayaran tambahan selain gaji sebagai sagu hati, pemberian atau ganjaran kepada pekerja iaitu pegawai dan kakitangan BBN dan ASKN yang layak. Pemberian bonus adalah apa-apa yang diisytihar termasuk bonus tahunan, bonus prestasi, bonus korporat, imbuhan, insentif kewangan atau seumpamanya.

2.4. **"Bantuan Khas Kewangan (BKK)"** ertinya pemberian bantuan ihsan atau bantuan "one-off" kewangan kepada pegawai dan kakitangan selaras pemakluman Kerajaan Negeri.

2.5. Terdapat tiga (3) kategori BBN seperti berikut:

i. Badan Berkanun Biasa merupakan BBN yang bergantung kepada peruntukan kewangan Kerajaan Negeri dan tertakluk kepada sistem saraan Sektor Awam daripada Kumpulan Wang Disatukan;

ii. Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan (BBDS) merupakan agensi yang bukan bersifat komersial dan pelaburan serta operasinya masih bergantung kepada peruntukan kewangan Kerajaan. Agensi ini boleh merancang, membentuk dan menguruskan sendiri sistem saraannya mengikut keperluan dan kemampuan kewangan agensi berkenaan. Sebarang pindaan perjawatan dan saraan agensi ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri; dan

iii. Badan Berkanun yang Diasingkan Saraan dan Dibebaskan (BBDSB) merupakan agensi yang bersifat komersial dan melaksanakan pelaburan serta mampu membiayai sendiri operasinya. Agensi ini lazimnya masih berada di bawah pemilikan atau tertakluk kepada pengawasan dasar Kerajaan Negeri, namun diberi kebebasan sepenuhnya untuk merancang, membentuk dan menguruskan sistem saraan sendiri mengikut keperluan, kemampuan kewangan, keadaan persekitaran serta peranan agensi, tanpa melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri.

3. KAEDAH BAYARAN BONUS / BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK)

3.1. Bantuan Khas Kewangan (BKK)

3.1.1 Semua BBN boleh mempertimbangkan pembayaran BKK **tertakluk kepada pengumuman Kerajaan Negeri.**

3.1.2 BBN hendaklah mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membayar BKK.

3.1.3 Lembaga Pengarah BBN bersetuju untuk mengguna pakai Surat Edaran Negeri berhubung pengumuman BKK tersebut.

3.2. **Bonus**

3.2.1 BBN yang menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri seperti Geran Mengurus atau Pembangunan, Geran Khas, pinjaman atau sesuatu pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Negeri dalam suatu tahun asas **tidak dibenarkan membuat pembayaran bonus kepada pegawai dan kakitangannya, kecuali mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.**

3.2.2 BBN / ASKN selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 3.2.1 di atas, boleh mempertimbangkan bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangannya.

3.2.3 Pembayaran bonus oleh BBN seperti di perenggan 3.2.2 di atas boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

a) BBN / ASKN mempunyai lebihan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA);

b) BBN / ASKN hendaklah solven iaitu berupaya untuk membayar apa-apa komitmen yang perlu dijelaskan dalam masa 12 bulan selepas agihan bonus dibuat;

c) BBN / ASKN mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membayar bonus; dan

d) mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

3.2.4 Sekiranya BBN / ASKN memenuhi syarat-syarat di perenggan 3.2.2 dan 3.2.3 di atas, Lembaga Pengarah BBN / ASKN boleh memperaku dan mempertimbangkan bonus **tidak melebihi dua (2) bulan gaji**. Pembayaran bonus melebihi jumlah tersebut hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dengan mematuhi syarat – syarat yang ditetapkan dan tatacara permohonan seperti di perenggan 4.

4. TATACARA PERMOHONAN

4.1. **Permohonan Pembayaran Bonus Melebihi Dua (2) Bulan Gaji**

4.2.1 Bagi cadangan pembayaran bonus melebihi dua (2) bulan gaji, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Kelantan untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri serta disertakan dengan dokumen seperti yang berikut:

a) senarai semak permohonan adalah seperti di **Lampiran A**; dan

b) format kertas cadangan adalah seperti di **Lampiran B**.

4.2. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses serta akan dikembalikan kepada pemohon untuk tindakan lanjut.

5. PEMAKAIAN

5.1. Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

6. TARIKH KUATKUASA

6.1. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan membatalkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3 Tahun 2014 bertarikh 16 Mac 2014.

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN BAYARAN BONUS OLEH BADAN BERKANUN NEGERI / ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BIL	DOKUMEN	TANDA (/)
1	Surat permohonan Badan Berkanun Negeri (BBN) / Anak Syarikat Kerajaan Negeri (ASKN)	☐
2	Perakuan Lembaga Pengarah & Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri	
	a. Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah yang lengkap dan disahkan (berserta senarai kehadiran)	☐
	b. Perakuan Lembaga Pengarah bagi cadangan pembayaran bonus / BKK	☐
3	Kertas cadangan yang mengandungi perkara berikut, mengikut format seperti di **LAMPIRAN B**:	
	a. Analisis & huraian prestasi kewangan bagi tahun penilaian dan 2 tahun sebelumnya.	☐
	b. Analisis & huraian prestasi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) BBN bagi tahun penilaian dan 2 tahun sebelumnya.	☐
	c. Analisis & huraian prestasi produktiviti kakitangan untuk tahun penilaian bagi tahun penilaian dan 2 tahun sebelumnya.	☐
	d. Analisis & huraian prestasi pencapaian KPI Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bagi tahun penilaian (jika permohonan turut merangkumi bayaran bonus secara berasingan kepada KPE).	☐
	e. Asas / justifikasi terhadap pembayaran bonus.	☐
	f. Implikasi kewangan dengan simulasi kuantum berbeza dan sumber dana bagi pembayaran bonus.	☐
4	Dokumen-Dokumen Sokongan (yang memperinci perkara dalam kertas cadangan)	
	a. Penyata Kewangan BBN yang telah diaudit untuk tempoh tiga tahun terkini & Penyata Kewangan tahun penilaian.	☐
	b. Laporan KPI BBN.	☐
	c. Laporan KPI KPE (jika berkaitan).	☐
	d. Terma dan syarat kontrak perkhidmatan KPE (jika berkaitan).	☐
		☐

e. Jadual pembayaran bonus terdahulu (lima tahun ke belakang).

f. Garis panduan (SOP) dalaman BBN bagi pembayaran bonus. ☐

g. Bell Curve cadangan agihan bonus (jika ada). ☐

h. Maklumat penerimaan geran Kerajaan & pembayaran hutang Kerajaan untuk tempoh 3 tahun (jika berkaitan). ☐

BADAN BERKANUN NEGERI / ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI		**PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN**
Disediakan oleh: ..... Nama: Jawatan: Tarikh:	Disahkan oleh: ..... Nama: Jawatan: Tarikh:	Disemak oleh: ..... Nama: Jawatan: Tarikh:

NOTA PENTING:

1. Bagi memudahkan semakan dokumen, **sila letakkan penandaan (*tagging*) ringkas selaras dengan nombor rujukan pada senarai semak**.
2. Permohonan **tidak akan diproses sekiranya** dokumen/ maklumat yang dikemukakan tidak lengkap.
3. Maklumat tambahan lain akan dipohon secara berasingan **sekiranya perlu** berdasarkan *case by case.*
4. Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan maklumat yang dikemukakan **adalah benar.**

LAMPIRAN B

[NAMA BADAN BERKANUN NEGERI / ASKN]

KERTAS CADANGAN MENGENAI BAYARAN BONUS

BAGI TAHUN KEWANGAN 20XX

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mengemukakan cadangan [Nama Badan Berkanun Negeri / ASKN] kepada Pegawai Kewangan Negeri Kelantan terhadap cadangan bayaran bonus bagi tahun kewangan 20XX.

2. LATAR BELAKANG

2.1 [Nama Agensi] merupakan sebuah Badan Berkanun Negeri / Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang ditubuhkan di bawah Enakmen / Akta ..... pada [Nyatakan tarikh] dengan fungsi utama .....

2.2 Pada [Nyatakan tarikh], Lembaga Pengarah [Nama Badan Berkanun Negeri / ASKN] dalam Mesyuarat Bil. ..... telah bersetuju memperaku cadangan pemberian bonus sebanyak ..... bulan gaji kepada pegawai dan kakitangan.

2.3 Cadangan ini telah diangkat dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan pada [Nyatakan tarikh] berdasarkan Petikan Minit Persidangan MMK Kali Ke-..... yang disahkan pada [Nyatakan tarikh].
(Sila kemukakan lampiran yang berkaitan).

2.4 Berdasarkan rekod 5 tahun terkini, pemberian bonus adalah seperti berikut:

Tahun	**Keuntungan Operasi** (RM)	**Lebihan Sebelum Cukai** (RM)	**Kadar Bonus: Kumpulan Eksekutif** (Bulan)	**Bil. Kakitangan** (Orang)	**Kadar Bonus: Bukan Eksekutif** (Bulan)	**Bil. Kakitangan** (Orang)	**Implikasi Kewangan** (RM)	**Kadar Bonus KPE** (Bulan)	**Implikasi Kewangan** (RM)
20XX									
20XX									
20XX									
20XX									
20XX									

3. PERATURAN SEMASA

3.1 Permohonan cadangan pemberian bonus ini adalah berdasarkan kepada peraturan (nyatakan punca kuasa / dasar daripada Enakmen, Akta tubuh / Pekeliling berkaitan yang digunapakai).

3.2 Garis panduan dalaman cadangan [Nama Badan Berkanun Negeri / ASKN] bagi pemberian bonus.

4. ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

4.1 Justifikasi terhadap pemberian bonus ini adalah seperti berikut:

i. Analisis Prestasi Kewangan

Petunjuk Utama Kewangan	**Tahun 20XX (RM)**	**Tahun 20XX (RM)**	**Tahun 20XX (RM)**
Jumlah Pendapatan			
Jumlah Perbelanjaan			
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Operasi			
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai			
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai			
Aset / (Liabiliti) Bersih			
Jumlah Tunai & Setara Tunai			
Cost to Income Ratio (%)			

Maklumat adalah berdasarkan penyata kewangan diaudit.

Sila huraikan secara terperinci prestasi kewangan dan justifikasi pemberian bonus berdasarkan prestasi dan kedudukan kewangan tersebut.

Bagi permohonan bonus melebihi 2 bulan gaji, analisis hendaklah mengambil kira prestasi untuk 3 tahun terkini.

ii. Analisis Pencapaian KPI [Nama Badan Berkanun Negeri / ASKN]

Sila huraikan secara terperinci prestasi pencapaian KPI agensi bagi tempoh 3 tahun dan justifikasi pemberian bonus berdasarkan prestasi tersebut.

Sila nyatakan juga tahun perubahan, asas perubahan kepada komponen dan pemberat KPI serta tarikh kelulusan Lembaga Pengarah [Nama BBP] mengenai perubahan KPI tersebut.

Komponen KPI	**Wajaran (%)**	**Skor**	**Sasaran**	**Pencapaian**		
				Tahun 20XX	**Tahun 20XX**	**Tahun 20XX**

iii. Analisis Produktiviti Kakitangan

Petunjuk Utama Produktiviti	**Tahun 20XX (RM)**	**Tahun 20XX (RM)**	**Tahun 20XX (RM)**
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Operasi (dibahagi) Kos Pekerja			
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai (dibahagi) Bilangan Pekerja			
Kecekapan Kos Pengurusan: (Jumlah Perbelanjaan dibahagi Jumlah Pekerja)			

Sila huraikan secara terperinci prestasi produktiviti kakitangan dan justifikasi pemberian berdasarkan prestasi tersebut.

iv. Lain-lain

Sila nyatakan dan huraikan dengan terperinci lain-lain justifikasi yang berkenaan (contohnya, analisis prestasi KPE & kontrak beliau, prestasi projek / anugerah / bayaran hutang Kerajaan / penerimaan geran Kerajaan).

5. IMPLIKASI KEWANGAN

5.1 Simulasi implikasi kewangan berdasarkan beberapa opsyen adalah seperti berikut:

Senario	Kadar Bonus (Bulan)	Implikasi Kewangan (RM)	Bilangan Kakitangan (Orang)
Opsyen 1			
Opsyen 2			
Opsyen 3			

5.2 Cadangan pembayaran bonus ini akan memberi implikasi kewangan sebanyak RM ..... dan dibayar menggunakan sumber kewangan daripada .....

6. KESIMPULAN / SYOR